
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semester Cuti Panjang
Sidang Akademik 2007/2008

Jun 2008

HSM 210 – SEJARAH SOSIO-EKONOMI MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. "Kedudukan geopolitik adalah faktor utama yang menentukan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke-15." Sejauh manakah pernyataan ini boleh dipertahankan?
2. "Faktor politik merupakan penggerak utama imperialism dan kolonialisme British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada akhir kurun ke 19." Bahaskan pandangan tersebut.
3. "Perubahan kehidupan kaum Melayu di Tanah Melayu adalah hasil daripada pertumbuhan dalam perusahaan perlombongan, pertanian eksport dan sistem pengangkutan." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?
4. "Dasar-dasar kerajaan Brooke dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara berjaya dalam usaha mereka untuk melindungi ekonomi pribumi daripada diceroboh oleh para pelabur asing." Bincangkan.

Bahagian B

5. "Sumbangan buruh imigran dari India kepada perkembangan ekonomi Tanah Melayu pada zaman penjajahan adalah penting." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan ini?
6. "Kedatangan kaum wanita imigran Cina ke Tanah Melayu pada zaman penjajahan lebih membawa masalah sosial daripada menyumbang kepada ekonomi." Bincangkan.
7. "Sikap acuh tidak acuh kaum pribumi dan bukan dasar kerajaan kolonial yang mengakibatkan kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan kaum pribumi." Dengan merujuk kepada Sarawak ATAU Borneo Utara British, bahaskan pernyataan tersebut.
8. "Zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Borneo Utara British memperlihatkan kesengsaraan hidup terutamanya dalam kalangan masyarakat Cina." Sejauh manakah keadaan sedemikian hasil daripada dasar regim tentera Jepun?